



Orang ramai mendapatkan khidmat nasihat guaman yang dikendali Jabatan Bantuan Guaman.

(Foto hiasan)

Bayaran RM10 dapat bantuan guaman

Peguam swasta digalak bantu JBG sedia khidmat nasihat kepada rakyat kurang mampu

Oleh Halina Mohd Noor dan Nor Hatina Shuib
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Hanya dengan bayaran RM10 rakyat di negara ini boleh menikmati khidmat bantuan guaman disediakan oleh kerajaan menerusi Jabatan Bantuan Guaman (JBG).

Ketua Pengarah Bantuan Guaman, Siti Salwa Musa, berkata khidmat bantuan guaman yang ditawarkan adalah seperti khidmat nasihat, pengantaraan, pendamping guaman dan berguam di mahkamah (litigasi) yang membabitkan perkara sivil, syariah dan jenayah.

Katanya, kes yang paling banyak dikendalikan oleh jabatan ini adalah berkaitan kekeluargaan terutama kes perceraian.

"Biro Bantuan Guaman yang ditubuhkan pada 1970 dijenamakan semula dan kini dikenali se-

bagai JBG sejak 16 Januari 2010 dan kini mempunyai 22 cawangan di seluruh negara," katanya kepada BH.

Siti Salwa berkata, seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 8 (1), semua individu memiliki hak sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan sama.


"Bagi mendapatkan hak kesaksamaan di mahkamah, setiap pihak perlu diwakili peguam. Bagi yang kurang berkemampuan mereka boleh mendapatkan khidmat peguam dari JBG."

"Bantuan guaman diberikan bukan dari segi kewangan, tetapi guaman di mahkamah untuk mereka yang kurang berkemampuan," katanya.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah (Sivil), Mohd Zulbahrin Zainuddin dan Timbalan Ketua Pengarah (Syariah), Muhammad Abdul Karim Wahab.

Siti Salwa berkata, kelayakan seorang pemohon bagi mendapatkan khidmat bantuan guaman ditentukan menerusi ujian kemampuan yang ditetapkan sebelum suatu perakuan bantuan guaman dikeluarkan kepadanya.

Bayaran minimum yang dikenakan mengikut kategori sumber kewangan pemohon yang layak untuk diberi bantuan guaman dan dikenali sebagai sumbangan



Kompleks Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan:



Bantuan guaman diberikan bukan dari segi kewangan, tetapi guaman di mahkamah untuk mereka yang kurang berkemampuan.

**Siti Salwa Musa,
Ketua Pengarah
Bantuan Guaman**

bagi tujuan menampung kos prosiding orang yang dibantu itu.

Jumlah sumbangan yang perlu dibayar itu kemudian akan dimasukkan ke dalam Akaun Amalan Bantuan Guaman bagi mak-sud mentadbir khidmat bantuan guaman jabatan ini.

"Lebihan bayaran itu akan dipulangkan semula kepada pelanggan selepas semua kos mengendalikan kes ditolak termasuk seperti kos salinan surat dan perjalanan," katanya.

Beliau berkata, bayaran sumbangan tertinggi dikenakan boleh mencapai RM2,000 sehingga RM5,000 bagi mereka yang berpendapatan RM50,000 ke atas setahun tetapi tidak melebihi RM100,000 setahun.

Beliau berkata, JBG mempunyai 22 cawangan dengan lebih 500 panel peguam di seluruh negara.

Ketika ini usaha untuk menarik lebih ramai peguam swasta untuk berdaftar dengan jabatan ini giat dilakukan supaya bantuan guaman dapat disalurkan kepada masyarakat melalui panel peguam yang dilantik untuk mengendalikan kes orang yang dibantu.

Sementara itu, beliau berkata, kerjasama yang dimeterai antara JBG dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (MAIWP) dan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) adalah suatu reaksi positif yang ditunjukkan agensi lain.

"Ia adalah dalam usaha untuk membolehkan lebih ramai orang mendapat manfaat daripada jabatan ini khususnya kepada pelanggan MAIWP dan MAIJ sendiri," katanya.

Proses penyerahan notis antara punca kes tertunggak

Putrajaya: Hanya 21 kes kekeluargaan civil dikendalikan Jabatan Bantuan Guaman (JBG), masih tertunggak setakat November lalu.

Bagi kes kekeluargaan syariah pula, ia hanya berbaki 125 kes bagi tempoh yang sama daripada beribu-ribu kes yang didaftarkan di Mahkamah Syariah dan Sivil bagi permohonan pelbagai kes seperti perceraian.

Ketua Pengarah Bantuan Guaman, Siti Salwa Musa, berkata kes tertunggak itu yang dikenal pasti adalah disebabkan pelbagai faktor, termasuk kegagalan anak guam untuk mengemukakan saksi, dokumen yang berkaitan dengan kes tidak lengkap sehingga menyukarkan pihak mahkamah untuk membuat keputusan.

Katanya, berdasarkan kepada rujukan kes dikendalikan JBG khususnya di Mahkamah Syariah bagi kes perceraian, tanggapan masyarakat banyak kes mengambil masa yang lama untuk diselesaikan tidak tepat.

"Kes tertunggak sebenarnya bukan disebabkan Mahkamah Syariah semata-mata, tetapi juga disebabkan banyak faktor lain antaranya proses penyerahan notis yang biasanya mengambil masa lama.

"Prinsip undang-undang memerlukan pihak lawan dalam sesuatu kes diberi hak untuk didengar kesnya," katanya kepada BH.

Beliau berkata, oleh itu mahkamah tidak akan membuat apa-apa keputusan selagi proses penyerahan notis tidak dilaksanakan sepenuhnya.

"Kebiasaannya, proses penyerahan notis ini jika gagal dilaksanakan melalui serahan. Kita perlu mendapatkan perintah untuk membuat penyerahan ganti seperti pengiklanan dan notis tampilan."

"Semua proses ini memang mengambil masa lama," katanya.

Siti Salwa berkata, selain itu, ada kekangan di luar kawalan JBG seperti keengganan pasangan menyelesaikan kes secara diplomasi menyebabkan kes mereka mengambil masa panjang.

Beliau berkata, masyarakat tidak sepatutnya lagi dimomokkan dengan kes perceraian tergenda selama bertahun disebabkan faktor mahkamah.

"Jika mendengar kes perceraian memakan masa panjang mungkin ia disebabkan oleh faktor lain."

"Di JBG, kami sentiasa prihatin dan menawarkan khidmat nasihat serta bantuan guaman kepada pasangan yang muahu bercerai," katanya.